

Jadual B2

FORMULA PELARASAN HAD NILAI PEROLEHAN

1. Had nilai ambang perolehan hendaklah diselaraskan pada setiap tahun genap bermula 1 Januari selepas CPTPP berkuat kuasa ke atas Malaysia.
2. Setiap 2 tahun, had nilai perolehan yang tertakluk dalam Ringgit Malaysia (RM) hendaklah dikira dan dipaparkan. Pengiraan ini berdasarkan kadar tukaran yang diterbitkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam Statistik Kewangan Antarabangsa secara bulanan.
3. Kadar tukaran adalah berdasarkan purata nilai harian RM kepada SDR sepanjang tempoh 2 tahun sebelum 1 Oktober pada tahun sebelum had nilai perolehan yang diselaraskan berkuatkuasa. Nilai tukaran hendaklah dibundarkan kepada nilai RM yang terdekat.
4. Malaysia hendaklah memaklumkan negara ahli yang lain dengan segera mengenai had nilai perolehan yang tertakluk dalam RM dan had nilai perolehan yang diselaraskan selepas CPTPP berkuat kuasa ke atas Malaysia.
5. Malaysia hendaklah berbincang sekiranya terdapat jurang perbezaan ke atas RM berbanding nilai SDR atau mata wang negara ahli lain yang akan menimbulkan isu bagi pelaksanaan Bab Perolehan Kerajaan CPTPP.